

# Budak ditemui dibunuh dengan tangan diikat

Kanak-kanak suku Palauh ditemui dalam keadaan kepala tersepit antara dua pokok

Oleh Mohd Roji Kawi dan Juwan Riduan  
bhnews@bh.com.my

**Lahad Datu:** Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun dipercayai dibunuh selepas ditemui dalam keadaan tangannya diikat di kawasan semak di Kampung Panji, di sini kelmarin.

Mayat mangsa dari suku Palauh itu ditemui orang awam dalam keadaan berdarah pada beberapa anggota badan, selain kepalanya turut tersepit antara dua pokok, sebelum dimaklumkan kepada pihak polis.

Pemangku Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Superintendan Azmir Abdul Razak, berkata siasatan awal mendapati mangsa mengalami luka pada kepala, kedua belah tangan dan kaki kiri, manakala tangan sebelah kanannya diikat menggunakan seutas tali.

Ketika ditemui, katanya kepala mangsa turut tersepit antara dua pokok.

“Pemeriksaan juga menemukan kesan cedera pada kepala dipercayai akibat benda tajam, selain kesan torehan pada kedua-dua tangan dan kaki kiri,” katanya melalui kenyataan media, semalam.

Mengulas lanjut, katanya, siasatan mendapati ibu mangsa yang berusia lingkungan 20 tahun memaklumkan kanak-kanak itu keluar dari rumah untuk bermain, namun tidak pulang sehinggalah mayatnya ditemui kira-kira jam 3 petang.

Bertindak atas maklumat orang awam, katanya, seorang lelaki warga asing berusia lingkungan 30 tahun selaku individu terakhir bersama mangsa, ditahan bagi membantu siasatan.

“Siasatan mendapati ibu mangsa yang berusia lingkungan 20 tahun memaklumkan kanak-kanak itu keluar dari rumah untuk bermain, namun tidak pulang sehinggalah mayatnya ditemui kira-kira jam 3 petang”

Azmir Abdul Razak,  
Pemangku Ketua Polis Daerah Lahad Datu

“Suspek didapati positif penyalahgunaan dadah serta dipercayai kurang siuman. Turut ditahan ibu bapa mangsa yang juga warga asing untuk siasatan lanjut,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

## Warga Indonesia diburu

Sementara itu, polis memburu lelaki warga Indonesia yang disyaki membunuh rakan senegarannya di sebuah ladang sawit di Dalat, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Dalat, Deputi Superintendan Saga Chungat, berkata suspek berusia 51 tahun itu melarikan diri sejurus kejadian itu.

Sehubungan itu katanya, polis kini berusaha mengesan suspek bagi membantu siasatan

mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat atau menjumpai suspek, diminta berhubung dengan Pegawai Penyiasat, Inspektor Rahim Ramli di talian 017-4211852,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Saga berkata, dalam kejadian kira-kira jam 11 malam mangsa yang berumur lingkungan 30-an ditikam dengan objek tajam di bahagian perut.

Menurutnya, polis menerima laporan berhubung kejadian itu pada jam 1.10 pagi dan sepasukan anggota digerakkan ke lokasi pada jam 2 pagi.

Beliau berkata, hasil siasatan awal mendapati kejadian di rumah pekerja ladang sawit itu dipercayai berpunca akibat perselisihan faham antara mangsa, suspek dan penyelia tempat kerja mereka.

“Akibat tikaman itu, mangsa mengalami cedera parah dan dikejarkan ke Hospital Dalat oleh ketua pengawal ladang berkenaan pada malam kejadian.

“Bagaimanapun, mangsa disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan setibanya di wad kecemasan hospital berkenaan,” katanya.